

Tinjauan Luar Negeri

Afrika Selatan dan Hendrik Verwoerd

(oleh: A. B. Husni)

Semboyan:

Semua insan lahir telanjang

Walau bangsa dan corak apa

Kenapa engkau masih memandang

Kepada kulit yang dia sandang

Walhal kehendak ‘azza wa jalla,

Wahai, Verwoerd, Selatan-Afrika?

Soal dunia yang hangat pada masa ini ialah soal

Afrika Selatan, soal Perdana Menteri Hendrik

Verwoerd dengan politiknya yang menjadi nistaan dunia:

“*apartheid*”

Supaya jelas kepada pembaca apa-apa yang telah terjadi

di Afrika Selatan sebelum dan semenjak 21 Mac 1960

sehingga ketika makalah ini ditulis, maka baiklah saya

bentangkan di sini terlebih dahulu serba sedikit tentang

letaknya daerah itu, susunan negaranya, bangsanya, dan

hal-hal yang lain, yang akan menjadi penambah ilmu bagi

kita sekalian.

Adapun negara Kesatuan Afrika Selatan luas

tanahnya kira-kira 1, 223, 905 kilometer dan mempunyai

penduduk kira-kira 12, 320, 000 orang. Penduduknya

terdiri daripada orang-orang kulit putih dan orang-orang

kulit hitam. Orang-orang kulit putih berasal dari

keturunan orang-orang Belanda dan orang-orang Inggeris.

Keturunan orang-orang Belanda dinamakan orang-orang “*Boer*”,

sedang orang-orang asli kulit hitam, dinamakan Negro

atau Bhusan atau Bantu.

Tanah Afrika Selatan itu mengandungi banyak logam,

seperti emas, intan, arang batu, tembaga, timah dan

lain-lain. Pertanian dan perternakan adalah menjadi mata

pencarian yang penting, di samping perindustrian yang timbul

dengan cepat. Semua perdagangan, pertanian, penternakan dan

perindustrian ini boleh dikatakan dipegang oleh bangsa

kulit putih. Yang menjadi buruh, dengan mendapat upah

dan gaji yang kecil, boleh dikatakan pukul rata ialah

bangsa-bangsa kulit hitam.

Negara Afrika Selatan meliputi daerah-daerah

Tanjung Harapan, Natal, Transvaal dan Orania

Free State. Negara kesatuan ini, walaupun terhitung

sebagai *dominion* Inggeris, tetapi dia mempunyai

kedaulatan *de facto* yang lengkap. Negara tersebut

diketuai oleh seorang gabenor – jeneral dan sebuah

dewan penyelenggara. Kuasa perundangan-perundangan berada di tangan

Parlimen yang terdiri dari Senat dan Dewan Perwakilan

Rakyat. Ibu negerinya ialah Pretoria (243, 000 jiwa).

Lain-lain kota yang besar ialah Cape Town, Johannesburg,

Port Elizabeth, Bloemfontein, Pietersburg, Kimberly,

Durban, Pietermaritzburg, Mafikeng dan Vereeniging.

Bahasa rasminya ialah bahasa Afrika Selatan, yang dinamakan bahasa Africans, yang berasal dari bahasa Boer, atau bangsa Belanda. Juga bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa rasmi yang kedua. Gerakan memakai bahasa Africans ini dilancarkan dalam tahun 1875, dan telah diakui dalam tahun 1902.

Orang-orang Belanda yang mula-mula datang ke Afrika Selatan dan membuat kota di sana ialah pada tahun 1652.

Mereka mendirikan kota Kaapstad (Cape Town). Pada tahun 1881 terjadi peperangan besar bangsa Boer melawan Inggeris, yang hendak menaklukkan republik-republik Orania Free State dan Transvaal. Pada peperangan yang pertama ini orang-orang Inggeris dikalahkan dekat Bukit Amajuba. Peperangan yang kedua berkemuncak di antara tahun-tahun 1889 dan 1902 dibawah pimpinan Paul Kruger dari Transvaal dan Sain dari Orange Free State. Akhirnya orang-orang Boer dapat dikalahkan Inggeris pada tahun 1902, dan republik-republik orang-orang Boer itu dijadikan sebuah negara kesatuan dengan daerah-daerah yang lain, lalu dinamakan kesatuan itu Kesatuan Afrika Selatan.

Orang-orang kulit putih beragama Kristian (Protestan dan Katolik). Sedang anak-anak negeri aslinya ada yang memeluk agama Protestan, Katolik dan Islam, tetapi kebanyakannya (55 percent) masih jahiliah. Selain dari orang-orang kulit putih yang mendatang ke Afrika Selatan, ada juga penduduknya kira-kira dua setengah peratus yang berasal dari keturunan orang-orang Melayu, Indonesia dan India.

Sekarang sampailah masanya pula kita membicarakan tentang politik “*apartheid*”, yang dianut oleh orang-orang

kulit putih (atau sebahagiannya) di Afrika Selatan itu.

Perkataan “*apartheid*” itu berasal dari bahasa Belanda, yang bererti “perbezaan”. Orang-orang asli Afrika (Negro, Bantu, Bhushan) serta orang-orang yang bukan berkulit putih, dilarang bercampur baur dengan orang-orang kulit putih. Mereka mempunyai undang-undang tersendiri, transport terasing, rumah penjara tersendiri, boleh dikatakan di dalam semua hal orang-orang kulit putih dibezakan dengan orang-orang yang berkulit lain, baik dalam pergaulan kemasyarakatan, kebajikan dan lain-lain soal.

Yang menjadi kemarahan besar bagi orang-orang asli Afrika, ialah mereka itu sahajalah diwajibkan pula memakai kad pengenalan dan mesti membawa kad ini bersama-sama ke mana-mana sahaja mereka itu pergi, yang bererti sangat merendahkan martabat bangsa kulit hitam.

Pada 21 Mac 1960 di Sharpeville beribu-ribu orang-orang kulit hitam, lelaki, wanita dan kanak-kanak, membantah dan menunjuk perasaan atas undang-undang yang dikeluarkan oleh pemerintah yang diketuai oleh Perdana Menteri Hendrik Verwoerd (sebagai orang yang bertanggungjawab di dalam hal pemerintahan). Tunjuk perasaan ini mulanya berjalan dengan baik, akan tetapi entah apa sebabnya tiba-tiba polis melakukan penembakan dan penyerangan dengan alat senjata lengkap disertai dengan *tank*, sehingga banyaklah korban-korban yang tak bersalah, yang gugur meminta keadilan hak manusia. Pada hari Isnin 21 Mac itu, polis Afrika Selatan telah membunuh mati dengan kejam 71 orang bangsa kulit hitam Afrika dan mencederakan 182 orang yang lain-lain lagi. Dan mulai dari hari yang tersebut sentiasa terjadilah kerusuhan-kerusuhan yang hebat di mana-mana sahaja di Afrika Selatan itu. Pertentangan-pertentangan itu sedemikian hebatnya, sehingga bukan sahaja terjadi

pertempuran antara bangsa-bangsa kulit hitam dengan kulit putih, tetapi juga antara kulit hitam dengan kulit hitam dan kulit putih dengan sesama kulit putih, yang melindungi hak kulit hitam, yang sudah tentu sahaja membawa korban-korban kematian dan luka-luka. Di dalam pada itu polis tidak tinggal diam sahaja. Mereka menembak mati pada 2 April 4 orang Afrika dan melukai 6 orang; salah seorang yang mati itu ialah seorang kanak-kanak yang digendong oleh ibunya. Pada keesokan harinya mereka menembak mati seorang lagi dan melukai beberapa puluh orang pula, setengah di antaranya ditembak dengan tak memberitahu dari jarak dekat. Keesokan harinya demikian juga yang terjadi sehingga dalam seminggu sesudah kejadian di Sharpevill itu berpuluh-puluh orang lagi yang mati dan beratus-ratus orang yang luka.

Tetapi yang menghairankan dunia luar, ialah keterangan dari “ Menteri Kehakiman” Tuan Erusus , yang menyatakan, bahawa sepanjang yang diketahuinya dan yang dikesalkan cuma kematian dari seorang anak kecil di dalam gendongan ibunya itu sahaja. Apakah Erusus ini tidak mendengar dan membaca, sehingga keterangannya itu sedemikian rupa? Kalau begitu, apakah sebenarnya yang dihakiminya dan diadilinya?

Dalam pada itu penangkapan-penangkapan, setiap hari dilakukan. Di dalam masa seminggu sahaja setelah kejadian penembakan di Sharpeville itu, lebih dari 300 orang kulit hitam telah ditangkap dan dipenjarakan. Kemudian datanglah pula suatu perbuatan polis yang sangat mencemarkan namanya, iaitu mencabuk dan memukul dengan kayu orang-orang Afrika yang dijumpai dalam perjalanan. Menurut keterangan

mereka itu, hal ini dilaksanakan, kerana dengan hal itu sahajalah dapat diperbuat, supaya orang-orang kulit hitam itu, balik suka bekerja kembali ke tempat pekerjaannya masing-masing. Polis tidak memilih lagi mangsanya, kecil besar, tuan¹ muda, kaya miskin, asalkan berlainan kulit dari putih, semuanya kena pukul teruk.

Hendrik Verwoerd, Perdana Menteri Afrika Selatan, ketika ditanya di Parliamen atas kejadian ini, menjawab, bahawa dia tak segan-segan mempergunakan kekuasaan ini dan segala kekuasaan-kekuasaan yang ada di tangannya untuk mematahkan “tenaga-tenaga pengganas ini”. Maka hairanlah kita, dari jurusan pemerintahkah atau dari pihak rakyat jelata. Hairanlah kita, takjublah dunia mendengarkan keterangan itu, kerana yang melakukan kekejaman bukanlah rakyat jelata, tetapi pemerintah, yang dipimpin oleh Hendrik Verwoerd.

Setiap hari kekejaman itu dilaksanakan. Setiap hari rakyat menderita. Suatu masa nanti, rakyat tak tahan menderita, habis kebesarannya, dan mereka akan melawan dengan kesatuan yang kuat, teguh menentang lawannya dengan kekejaman yang berlipat ganda dan akan merobohkan, memusnahkan dan menghancurkan Hendrik Verwoerd dan kawan-kawannya serta pemerintahannya serta, sayang juga orang-orang yang sebangsa dengan dia, sekulit dengannya dia. Kalau orang-orang Afrika yang bekerja sebagai polis pada pihak pemerintah nanti mmbelot, kalau rakyat mendapat persediaan senjata, kalau semua orang-orang kulit hitam nanti menentang, kalau semua orang Asia-Afrika, orang-orang yang berkulit tidak putih ikut membantu, kalau semua orang-orang kulit putih pun kecuali Afrika

¹ Kesalahan teks. Sepatutnya ‘tua’.

Selatan, juga turut menyalahkan dan memboikot Afrika Selatan, maka sudah tentulah sahaja negeri kesatuan itu akan hancur lebur, hilang dari permukaan bumi ini.

Sesudah terjadinya pembunuhan secara besar-besaran di Afrika Selatan itu, maka seluruh dunia bertindak mengeji dan mengancam perbuatan dari pemerintah Afrika Selatan itu, yang mana pemerintah yang dikepalai oleh Hendrik Verwoerd adalah bertanggungjawab atas kejadian-kejadian yang telah berlangsung itu. Negara-negara Asia-Afrika mengemukakan perbuatan ini pada Dewan Keamanan Bangsa Bersatu, yang telah mengambil keputusan atas kejadian-kejadian itu sebagai berikut:

“Menyesali siasah politik dari pemerintah Afrika Selatan, yang telah mengakibatkan kejadian-kejadian sedih yang telah berlaku itu.

“Menyesali yang kejadian-kejadian itu mengakibatkan sehingga begitu banyak korban jiwa yang telah gugur, dan menyatakan turut berdukacita atas keluarga-keluarga korban kemalangan itu.

“Menyatakan bahawa kejadian-kejadian di Afrika Selatan itu boleh mengakibatkan kekeruhan-kekeruhan *international*, sangat boleh jadi membahayakan perdamaian dan keamanan dunia.

“Menyeru kepada pemerintah Afrika Selatan supaya melepaskan politik aparteidnya itu serta membuang peraturan-peraturan yang menghinakan bangsa-bangsa, dan berusaha menyelenggarakan undang-undang yang membawa persamaan hak bangsa-bangsa, supaya kejadian-kejadian sedih seperti yang telah berlangsung itu, tidak akan terjadi lagi.

“Dan meminta kepada Setiausaha Agung

Bangsa-bangsa Bersatu Tuan Dag Hammarskjold supaya berunding dengan pemerintah Afrika Selatan, untuk melaksanakan aturan-aturan yang sebaik-baiknya guna mengakui keagungan hak persamaan bangsa-bangsa dan melaporkan kembali kepada majlis hasil-hasil yang telah dicapai”.

Sementara itu, kejadian-kejadian yang menyedihkan di Afrika Selatan berlaku terus. Pembunuhan-pembunuhan orang-orang kulit hitam hampir setiap hari ada berlaku. Beratus-ratus yah, beribu-ribu orang dimasukkan ke dalam penjara, oleh kerana politik parti Hendrik Verwoerd, Perdana Menteri Afrika Selatan. Parti-parti bangsa kulit hitam dan sebahagian dari parti pembangkang orang-orang kulit putih diharamkan, dan pengurus-pengurusnya ditangkap. Banyak surat khabar-surat khabar dan majalah-majalah tidak dibenarkan terbit, dan ada pula wartawan-wartawan yang ditangkap dan disuruh kembali ke negeri asalnya.

Orang-orang kulit putih pihak pembangkang pemerintah dan orang-orang pihak gereja Kristian di Afrika Selatan tidak setuju dengan politik Hendrik Verwoerd ini. Oleh sebab itu tidaklah hairan kita, kalau pada 9 April 1960, jiwa Hendrik Verwoerd telah terancam. Di Witwatersrand, ketika membuka suatu pameran penternakan dan pertanian, di mana hadir hanya orang-orang kulit putih sahaja, dan di mana keselamatan Perdana Menteri itu dijaga oleh berpuluh-puluh orang polis dan mata-mata gelap, Verwoerd telah ditembak oleh seorang anggota dari panitia pameran tersebut, yang bernama David Pratt. Hendrik Verwoerd luka parah. Dua buah peluru masuk ke bahagian mulut dan kepalanya dan dia diangkat dengan keadaan yang berbahaya bagi jiwanya ke rumah sakit Pretoria.

Maka disebabkan kejadian ini sangat musykillah yang Hendrik Verwoerd dapat menghadiri Persidangan Para Perdana Menteri Commonwealth yang akan diadakan di dalam bulan Mei di London.

Sesudah kejadian penembakan atas diri Hendrik itu, tindakan-tindakan polis bertambah diperhebat. Di tiap-tiap kota dan kampung diadakan penangkapan secara besar-besaran atas segala orang-orang, baik hitam atau putih yang disangka mungkin menentang politik pemerintah. Penjara-penjara penuh sesak dan hampir-hampir tak muat oleh orang-orang tawanan itu, dan oleh sebab itu terpaksa pemerintah mengadakan perkhemahan-perkhemahan tahanan.

Sekarang Hendrik Verwoerd, seorang bekas peguam, anak orang yang berharta itu, terletak di hospital, muka dan giginya pecah. Mungkinkah dia dapat memikirkan tentang politik yang telah diciptakannya itu dan bagaimana akibatnya? Adakah pernah dia terfikir atas politik aparteidnya, sehingga dia pernah berkata: "Orang-orang Negro tak perlu ada mempunyai rumah, mereka itu di atas pokok-pokok kayu pun dapat tinggal dan mereka pun dapat hidup juga." Dan lagi dia pernah berkata: "Kalau orang-orang kulit hitam itu (Negro) tidak hendak datang bekerja (mogok), kita akan tembak beberapa orang mereka itu, sehingga yang lainnya takut dan datang bekerja." Dan lagi: "Kalau tidak bangsa kita orang kulit putih yang memerintah, siapa lagi, tentulah orang-orang kulit hitamlah yang berkuasa. Daripada hal ini kejadian, lebih baiklah semua mereka itu dimusnahkan."

Orang-orang Negro yang mula-mula meminta haknya di Afrika Selatan diwakili oleh orang-orang yang *moderate*, yang terpelajar. Sekarang mereka itu sudah habis ditangkap. Mereka itu sudi berunding dengan Hendrik Verwoerd dan sudi bekerjasama dengan Hendrik Verwoerd, sudi belajar dengan Hendrik Verwoerd. Sekarang, ketika mereka itu berada di dalam penjara, maka kedudukannya

di luar digantikan oleh anak-anak muda yang berdarah panas, yang tak mahu gentar, dan mereka itulah nanti yang akan mengadakan kacau bilau di dalam negeri, kerana pemuda-pemuda itu bunga bangsa, harapan bangsa, perajurit-perajurit yang akan membela ibu pertiwinya.

Barangkali setelah penganiayaan yang mengenai dirinya sendiri ini, setelah dirasainya sendiri bagaimana penderitaan seorang yang luka parah, yang hampir mati, yah, barangkali timbul keinsafan di dalam fikiran dan hatinya, dan oleh sebab itu dia mengubah politik aparteidnya itu dan dia suka pula bertindak *moderate* pula, ataupun menganjurkan kepada partinya, Parti Nasionalis, supaya bertindak lembut, dan dengan hal yang sedemikian dapat mencapai suatu punca penyelesaian, di mana orang-orang kulit hitam dan orang-orang kulit putih pada taraf permulaannya dapat bekerjasama untuk memerintah negara.

Di Asia kelebihan darjat orang kulit putih dari orang Asia sudah hancur, sudah dimusnahkan, sudah tidak ada lagi, sehingga mereka itu sekarang telah mengakui kesamaan bangsa Asia dan bangsa kulit putih dalam darjat apa sahaja pun. Dan dengan itu terjadilah persahabatan karib, kerjasama yang akrab di antara bangsa-bangsa itu di dalam suasana yang aman dan damai.

Afrika Selatan adalah suatu anggota dari bangsa-bangsa Commonwealth, yang mengakui hak persamaan bangsa-bangsa di dunia ini. Kalau sekiranya Afrika Selatan dengan Hendrik Verwoerdnya masih juga mahu mendirikan benang basah dengan politik aparteidnya itu di dalam persidangan para perdana-perdana menteri yang akan dilangsungkan di London pada bulan Mei, maka pada anggapan

sambungan pada muka 45

Afrika Selatan

sambungan dari muka 39

penulis tak dapat tidak dia akan menghitung lebih banyak lagi musuhnya daripada yang telah ada sekarang ini, dia akan menghadapi tentangan dari dunia, baik yang komunis mahupun yang *non-communist*, dan sangat boleh jadi Afrika Selatan akan dikeluarkan dari lingkungan bangsa-bangsa *Commonwealth* itu sebagai seorang anggota yang telah melumuri dengan najis dasar-dasar murni dari pernyataan umum hak-hak manusia.

Cita-cita yang tertinggi daripada manusia umumnya ialah mengharapkan datangnya suatu dunia, di mana umat manusi

akan merasakan kemerdekaan berbicara dan kepercayaan serta kebebasan daripada ketakutan dan kekurangan, dan segala hak-hak manusia diperlindungi dan diatur dengan aturan-aturan hukum.

Dengan hal yang sedemikian baharulah kita percaya akan diperdapati keselarasan terhadap hak-hak manusia, terhadap martabat dan harga diri peribadi manusia, serta sokongan kemajuan sosial dan tingkatan dasar penghidupan yang lebih baik dalam kebebasan yang lebih besar. Mudah-mudahan berhasillah kiranya.

Dari Sebulan ke Sebulan

Sambungan dari muka 5

ini orang-orang hanya tertawa sahaja kerana Jam'iyah selalu benar orang-orang Muhammadiyah itu bersyarah di sana seperti al-Ustādh

Abdul Kahar Muzakkar, Hamka, Nasrudin Latif, Kiyai Hasbi Ash-Shiddieqy, Tuan Haji Kasman Singodimedjo (peguam) dan banyak lagi. Kalau Muhammadiyah itu satu badan yang salah kenapa Jam'iyah mempersilakan mereka bersyarah? Subhāna Allāh!

* * *

Tuan setiausaha jam'iyah itu, pada tahun yang lalu menjadi juga Setiausaha Sambutan Mawlid Nabawī Sharīf di Singapura. Di dalam perayaan itu ia telah mempersilakan imam masjid orang-orang Buhra (Syiah) membaca syair puji-pujian dalam bahasa Urdu. Orang-orang Buhra ini mereka tidak sembahyang di masjid-masjid "*Ahl al-Sunnah*". Mereka sembahyang di masjid mereka sendiri, sedang orang-orang Muhammadiyah sembahyang di masjid-masjid *Ahl al-Sunnah*. Mengapa Tuan Setiausaha itu diam sahaja terhadap kepada pesertaan orang-orang Buhra di majlis mawlid itu? Orang bertanya juga adakah kerana mereka menderma wang? Ini tidak diketahui – hanya Tuhan juga yang mengetahuinya.

Sudah terbit! Bilangan pertama!

Puspa Ragam

Di antara kandungannya:

- *Ragam Sehari-hari (janda anak empat)
- *Kawasan Hitam (cerita pendek)
- *Kak Yun Menangis (cerita pendek)
- *Walter Niche (apa dan siapa)
- *Tarian Naga (soal hangat)
- *Soal filem serta bintang-bintangnya

dan berbagai-bagai isi lainnya lagi.

Harga senaskhah 50 sen

Penerbitnya:

Qalam

Singapura 4